

Media: BERITA HARIAN ONLINE

Tioman Tak Pernah Menjemukan

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bharian.com.my
2011/06/26



Samudera indah, kemesraan penduduk terserlah

PERNAHKAH anda terfikir bagaimana caranya orang dulu berhubung, tambahan pula mereka yang tinggal di pulau. Ada yang kata mereka berbuat demikian melalui ilmu ghaib, menggunakan utusan jalan laut atau melatih burung untuk menghantar pesanan. Itu persoalan yang berlegar dalam minda penulis ketika menjejakkan kaki di Pulau Tioman, Pahang, baru-baru ini bersama rakan media lain atas jemputan Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) dan ia terjawab apabila sempat berbual dengan pemimpin setempat. Kami bertolak dari Putrajaya ke Mersing sebelum menaiki bot ke Tioman. Walaupun agak memenatkan, perasaan itu hilang begitu saja sebaik menjejakkan kaki di pulau indah ini yang pernah dinobatkan antara 10 pulau

tercantik dunia. Ikuti catatan menarik sepanjang berada di Tioman yang penuh misteri dan legenda tersendiri.

Sabtu

7 pagi: Seawal pagi lagi semua peserta rombongan berkumpul di Jabatan Taman Laut Malaysia di Putrajaya untuk menaiki bas yang akan terus membawa kami ke Jeti Mersing. Kami difahamkan perjalanan akan mengambil masa lima jam sebelum menaiki bot menuju Tioman.

1 petang: Selepas menempuh perjalanan yang panjang tapi menyeronokkan kerana menikmati pelbagai pemandangan indah, akhirnya kami tiba di Mersing. Sempat juga menikmati sajian tengah hari di Pusat Taman Laut Mersing. Sudah tentu masakan istimewanya asam pedas ikan pari dan ulam-ulaman yang sangat membuka selera. Kami kemudian bergerak ke jeti untuk menaiki bot mengambil masa dua jam.

5 petang: Dari jauh sudah kelihatan Pulau Tioman yang seolah-olah menggamit dan mengalukan kedatangan kami. Kejernihan airnya yang membiru sangat mendamaikan, pesisiran pantai yang memutih memberikan satu pemandangan menakjubkan.

Kami disambut kakitangan JTLM Pulau Tioman dan dibawa ke tempat penginapan kami selama tiga hari di sana, Nazri Place. Kerana masing-masing sudah penat mengharungi perjalanan jauh, tiada aktiviti khusus dijalankan sebaliknya setiap orang mengambil peluang berehat, ada juga menikmati pemandangan indah di pesisir pantai.

Walaupun tiada kemudahan jalan raya menyeluruh di seluruh pulau, tenaga elektrik dan bekalan air bersih sentiasa disalurkan. Begitu juga deretan kedai makan dan kedai cenderahati yang memberikan peluang dan pilihan kepada pengunjung membeli barang kenangan.

Tioman juga dikategorikan antara pulau bebas cukai namun tidak begitu banyak kedai bebas cukai di sini berbanding Langkawi.

Ahad

10 pagi: Banyak aktiviti disusun untuk rombongan media dan seawal pagi selepas menikmati sarapan, kami menaiki bot ke perkampungan di sekitar Tioman. Ada enam kampung di sini, antaranya Kampung Tekek, Kampung Salang, Kampung Genting dan Kampung Air Batang. Hanya Kampung Juara yang menghadap Laut China Selatan manakala yang lain menghadap tanah besar Semenanjung.

Walaupun kampung terbabit terletak berdekatan, tiada jalan darat yang sempurna

menyebabkan penduduk menggunakan jalan laut sebagai penghubung. Persinggahan pertama kami adalah Kampung Genting dan ketibaan disambut Tok Empatnya, Hashim Harun, 62.

Kampung ini menempatkan lebih kurang 100 rumah dan chalet. Kedudukan setiap rumah dan chalet yang berdekatan menyebabkan wujudnya jalinan erat di antara penduduk tempatan dan pelancong. Setiap aktiviti mereka dijalankan bersama-sama dengan pelancong, termasuk dari luar negara.

Malah di kampung ini juga ada Makam Bendahara Pahang keenam, Tun Mohamad Tun Abdul Majid. Mengikut mitos yang diceritakan, kedatangan beliau ke Pulau Tioman kerana terdampar selepas kapalnya karam. Ketika dijumpai penduduk kampung ketika itu, beliau berada dalam keadaan yang tidak bermaya.

Sejak itu, makam terbabit dikatakan mempunyai keramat dan kuasa yang tersendiri. Penduduk kampung juga percaya dengan bernazar di makam itu, apa yang dihajatkan mereka akan termakbul. Namun menurut Hashim, kepercayaan itu kian dilupakan dan makam berkenaan kini hanya satu tarikan unik Pulau Tioman.

12 tengah hari: Kami bergerak menaiki bot sekali lagi ke Kampung Salang yang terkenal kerana menyediakan kemudahan penginapan yang banyak selain pelbagai aktiviti.

Tok Empat Kampung Salang, Abdul Kadir Harun, 72, sedari awal lagi sudah setia menunggu kedatangan kami dan seperti yang dijangkakan, kami dihidangkan makanan tengah hari yang cukup menyelerakan. Walaupun hanya masakan kampung, sajian sudah cukup membuka selera.

Selesai menikmati makanan tengah hari, penulis mengambil kesempatan berbual dengan Abdul Kadir mengenai sejarah dan asal usul Pulau Tioman.

Menurutnya, berdasarkan cerita yang diperturunkan dari generasi ke generasi, setiap kepulauan di Semenanjung asalnya daripada naga yang disumpah menjadi pulau. Bagi sejarah Tioman pula, ia berasal dari sepasang naga yang keluar dari Tasik Chini dan dalam perjalanan ke satu destinasi.

“Dalam perjalanan itu, naga betina tertinggal kain cindai di Pulau Juara, tanah asal Pulau Tioman. Dikatakan juga di belakang badan naga itu penuh dengan pelbagai hidupan dan tumbuhan, ibarat satu kepulauan yang bergerak.

“Ketika sampai di Pulau Juara, naga betina terdengar kokokan ayam. Pantang larang bagi naga terbabit adalah tidak boleh mendengar kokokan ayam. Akibat terlanggar pantang larang itu, bertukarlah naga berkenaan menjadi pulau dan bercantum dengan Pulau Juara,” katanya. Mengikut legenda, Pulau Tioman mulanya kecil berubah menjadi besar.

Bercerita mengenai bagaimana penduduk pulau berhubung pada zaman dulu, beliau berkata, mungkin melalui ilmu ghaib dan burung yang memang wujud pada zaman itu atas kekangan kemudahan perhubungan yang terhad selain gangguan musim tengkujuh.

“Dulu jika penduduk sini mahu berhubung dengan penduduk Pulau Perhentian contohnya, akan guna ilmu ghaib. Ada juga guna burung sebagai utusan atau kapal dagang. Zaman dulu, kalau ingin buka penempatan baru di pulau, cukup jika ada ketua kampung, imam, bidan dan bomoh. Empat orang ini akan mewakili seluruh penduduk pulau,” katanya.

Malah, katanya, Kampung Salang pada zaman dulu pernah menjadi tempat bagi lanun memenjarakan penentang mereka atau melaksanakan hukuman. Jika berlaku kekecohan di laut, mereka akan singgah di pulau berkenaan untuk menjalankan hukuman.

2.30 petang: Selepas penat bercerita dan melawat sekitar kampung, kami dibawa ke lokasi snorkling. Seperti biasa sebelum melakukan aktiviti ini di lautan terbuka, kami diberikan latihan dan tunjuk ajar menggunakan peralatan berkaitan.

Keseronokan jelas terpancar pada wajah masing-masing, tidak sabar-sabar mahu meneroka keindahan alam lautan yang jelas kelihatan dari permukaan yang jernih. Walaupun masih berada di atas bot, kami sudah boleh melihat jauh ke dalam air.

Wakil JLTM, Zakaria Tayib, berkata kedalaman laut di kawasan bot kami berlabuh hanya tiga meter dan kami bernasib baik kerana keadaan laut ketika itu tenang. Selepas diberikan sedikit taklimat, kami terus terjun untuk melihat lebih dekat kehidupan marin di perairan Tioman yang terbukti sempurna dipulihara.

6 petang: Walaupun sudah beberapa jam snorkling, ada di antara kami belum lagi puas dan masih mahu terus melakukan aktiviti berkenaan. Walaupun hanya di kawasan perairan berhadapan jeti JLTM, ia sudah cukup memuaskan hati, tambahan pula ada banyak juga ikan terumbu karang bermain-main di situ, berebut makanan yang kami taburkan.

8 malam: Aktiviti malam sudah tentu BBQ dan hidangan wajib semestinya makanan laut. Walaupun penat seharian di lautan, semangat kami masih belum luntur. Kesempatan yang ada digunakan sebaiknya dengan berbual bersama wakil JLTM dan penduduk kampung, saling bertukar pandangan serta maklumat mengenai hidupan laut.

Angin malam semakin bertiup kencang, tetapi kaki seperti berat mahu melangkah meninggalkan pantai, lalu sisa malam diisi dengan terus menikmati keindahan dan keunikan Tioman. Sememangnya, pulau ini tidak pernah menjemukan.